

## Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabbani oleh Sa'īd Ḥawwā dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*: Ke Arah Pemerkasaan Kader Dakwah

Muhamad Alihanafiah Norasid

Universiti Malaya, imtiaz\_alhuffaz@um.edu.my

Mustaffa Abdullah

Universiti Malaya, mustaffa@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.2>

### Abstrak

Sa'īd Ḥawwā merupakan seorang tokoh gerakan Islam yang begitu sinonim dengan idea pembentukan generasi rabbani. Gagasan idea beliau dapat dilihat menerusi puluhan karya beliau yang membicarakan isu pembinaan kader dakwah seperti karya *Jund Allāh Thaqafatan wa Akhlaqan*, *Jund Allāh Takhtitan*, dan *Jund Allāh Tanẓīman*. Malah, beliau turut menghasilkan karya tafsir besar 30 juzuk, *al-Asās fī al-Tafsīr* yang menampilkan perbincangan dari segenap segmen kehidupan. Artikel ini bertujuan mendedahkan gagasan pemikiran modal insan rabbani cetusan Sa'īd Hawwa menerusi karya tafsir beliau sebagai asas binaan konsep modal insan rabbani. Konsep modal insan rabbani dianalisis menerusi pentafsiran Sa'īd Ḥawwā terhadap ayat-ayat yang mengandungi kalimah “rabbani” dalam al-Quran sebagaimana yang telah dikemukakan oleh beliau dalam karya tafsir *al-Asās*, juga dalam risalah beliau berjudul “*Iḥyā al-Rabbaniyyah*.” Hasil penelitian, pembangunan modal insan rabbani gagasan Sa'īd Ḥawwā memberikan penekanan terhadap tiga komponen pembangunan, iaitu penerapan *thaqāfah*, pengukuhan tarbiah, dan pelaksanaan dakwah. Gagasan modal insan rabbani beliau diyakini mampu menjadi satu garis panduan ke arah pemerkasaan kader dakwah dengan menjadikan institusi masjid sebagai wahana pembangunan insan.

**Kata Kunci:** modal insan, rabbani, *al-Asās fī al-Tafsīr*

*The Idea of Human Capital Development by Sa'īd Ḥawwā in  
al-Asās fī al-Tafsīr: Towards Empowerment of the Dakwa Cadre*

### Abstract

*Sa'īd Ḥawwā was a figure of the Islamic movement who was so synonymous with the idea of forming a rabbani generation. His idea can be seen through dozens of his works that discuss issues related to the construction of the dakwa cadre such as *Jund Allāh Thaqafatan wa Akhlaqan*, *Jund Allāh Takhtitan*, and *Jund Allāh Tanẓīman*. In fact, he also produced a masterpiece of 30 juz' Quranic exegesis, *al-Asās fī al-**

Tafsīr, which featured discussions from all segments of life. This article aims to expose Sa'id Hawwa's concept of rabbani human capital through his work of interpretation as the basis for the concept of rabbani human capital. The concept of rabbani human capital is analyzed through Sa'id Hawwa's exegesis of verses containing the word "rabbani" in the Quran as he has put it in al-Asas's book and a book entitled "Ihyā al-Rabbaniyyah." As a result of the study, the development of rabbani human capital from Sa'id Hawwa's ideas emphasized three components of development, namely the development of knowledge, the strengthening of tarbiyah, and the implementation of dakwa. His idea of rabbani human capital is believed to serve as a guide for enhancement of the dakwa cadre by making the mosque institution as platform for human development.

**Keywords:** human capital, rabbani, al-Asās fī al-Tafsīr

## Pendahuluan

Dalam kancang pergelutan umat Islam berdepan dengan hegemoni barat berupa penjajahan pemikiran dan budaya hidup, beberapa cendekiawan Islam dan tokoh-tokoh pembaharuan telah tampil mempertahankan kedaulatan Islam dengan pelbagai pendekatan. Sa'īd Ḥawwā antaranya, telah merencahkan suatu gagasan pembangunan modal insan rabbani sebagai pelan induk pembangunan para pendakwah menjelang abad ke-15 Hijrah.<sup>1</sup> Pemikiran pembangunan modal insan rabbani Sa'īd Ḥawwā menyaksikan modal insan seharusnya dibangunkan secara komprehensif dan seimbang.<sup>2</sup> Pembangunan tersebut mewakili tiga komponen penting iaitu penerapan keilmuan rabbani yang menjana keintelektualan modal insan, pengukuhan tarbiyah rabbani yang memantapkan spiritual modal insan, dan pembangunan dakwah rabbani yang mengasah kemahiran dan kecekapan modal

---

<sup>1</sup> Pemaparan idealisme Sa'īd Ḥawwā mengenai pembangunan modal insan rabbani dapat disaksikan menerusi sejumlah besar rantaian karya-karya beliau yang tidak lekang dengan idea mewujudkan modal insan rabbani di kala menjengah abad baharu iaitu kurun 15 Hijrah pada akhir-akhir tahun sebelum kematiannya. Antara karya yang berkaitan ialah *Kay lā Namqī Ba'īdan 'an Iḥtiyāṭ al-'Aṣr, Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlāqan, Jund Allāh Takhtitan, dan Jund Allāh Tanẓīman*. Sila rujuk Sa'īd Ḥawwā, *Jund Allāh Tanẓīman* (Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1993), 28.

<sup>2</sup> Muhammad Sa'īd Ḥawwā (Imam Masjid 'A'ishah, 'Abdun Jordan, dan pensyarah Universiti Mu'tah, Jordan) dalam temu bual dengan penulis, 12 Jun 2012, Masjid 'A'ishah, 'Abdun, 'Amman, Jordan.

insan dalam berdakwah. Justeru dalam artikel ini, paradigma pemikiran Sa‘id Ḥawwā berhubung pembangunan modal insan rabbani akan dikupas dan dianalisis menerusi tafsiran Sa‘id Ḥawwā dalam karya tafsir beliau, *al-Asās fī al-Tafsīr*<sup>3</sup> dan juga karya-karya beliau yang lain.

### Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabbani oleh Sa‘id Ḥawwā

Dalam usia yang begitu muda sebelum melanjutkan pengajian ke universiti, Sa‘id Ḥawwā mempunyai impian untuk meningkatkan kualiti para anggota al-Ikhwan al-Muslimin dari segi ilmu, dan komitmen mereka terhadap amal Islami.<sup>4</sup> Menurut Sa‘id Ḥawwā, idea melahirkan pemimpin berkualiti “*al-saqf al-murtafī’*” harus melalui suatu proses pembinaan yang khusus iaitu dengan mengikuti sesi pentarbiahan dan latihan dalam madrasah *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah*.<sup>5</sup> Pembinaan menerusi madrasah tersebut diyakini dapat menyubur rohani serta memperkuuh ilmu pengetahuan dan itizam dalam kalangan pemimpin Ikhwan demi mengusung panji

<sup>3</sup> Karya *al-Asās fī al-Tafsīr* merupakan salah sebuah karya monumental yang dihasilkan oleh Sa‘id Hawwa. Karya ini dihasilkan sebagai sebahagian daripada siri penulisan Sa‘id Ḥawwā dalam *Silsilah al-Asās fī al-Manhaj*, selain karya *al-Asās fī al-Sunnah wa Fiqhihā* dan *al-Asās fī Qawā'id al-Ma'rīfah wa Dawābit al-Fahm li al-Nuṣuṣ*. Ia juga dianggap sebagai karya tafsir bermanhaj tarbiah yang telah dikategorikan oleh ulama' tafsir mutakhir ini selain tafsir *Fī Zīlal al-Qur'añ*. Kedua-dua tafsir iaitu *al-Asās fī al-Tafsīr* dan *Fī Zīlal al-Qur'añ* merupakan hasil pencitraan daripada madrasah Ikhwan. Sila lihat Salah ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn* (cet. ke-4, Damsyik: Dār al-Qalam, 2010), 568.

<sup>4</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Hadhihi Tajribatī wa Hadhihi Shahādatī* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1987), 28.

<sup>5</sup> Konsep Madrasah *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* pada asalnya adalah berupa penyertaan secara sukarela oleh anggota Ikhwan dalam kem atau kursus selama 40 hari hingga dua bulan dengan pemantapan ilmu serta pengukuhkan tarbiah. Selanjutnya, penyertaan dalam kursus *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* tersebut dibuka kepada khalayak khususnya dalam kalangan anak muda. Matlamat program tersebut ialah bagi melahirkan generasi rabbani, manakala pendekatannya boleh dilaksanakan dengan penjenamaan seperti *Harakah Iḥyā’ al-Rabbaniyyah*, *Madrasah Tullāb al-Rabbaniyyah*, *Halaqah Iḥyā’ al-Rabbaniyyah*, *Jam'iyyah Tullab al-Rabbaniyyah* dan sebagainya. Manakala pelaksanaan program tersebut boleh divariasikan serta tidak terikat dengan satu-satu kaedah semata-semata seperti penganjuran kuliah ilmu, kem pemantapan rohani, dan pertubuhan gerakan dakwah *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah*. Sila lihat Sa‘id Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba 'idān 'an Ihtiyājāt al-'Aṣr*, 144-145.

Islam.<sup>6</sup> Konsep idea beliau tersebut dilihat turut dipengaruhi oleh pengajian halakah yang diikuti oleh beliau di masjid bersama Muḥammad al-Ḥāmid dan ‘Abd al-Karīm al-Rifā‘ī.<sup>7</sup>

Konsep pembangunan modal insan rabbani telah dihuraikan secara terperinci oleh Sa‘id Ḥawwā dalam risalah beliau, *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* dengan mengetengahkan beberapa instrumen penting yang perlu diimplementasikan oleh seseorang individu muslim seperti zikrullah serta pembudayaan ilmu bagi melahirkan modal insan rabbani.<sup>8</sup> Menurut Sa‘id Ḥawwā, sendi-sendi yang menjadi binaan asas kepada pembangunan modal insan rabbani ialah penguasaan pengetahuan Islam klasik dan moden, penekanan akhlak Islamiah yang sempurna, penyuburan rohani yang jitu, serta berparadigma *haraki* (aktivisme) yang sejajar dengan tuntutan arus perdana.<sup>9</sup> Binaan asas tersebut dapatlah dirumuskan kepada tiga komponen teras pembangunan iaitu penerapan *thaqāfah* (penguasaan pengetahuan Islam), pengukuhan tarbiah (penekanan akhlak dan penyuburan rohani), dan pembangunan dakwah (berparadigma *haraki*). Dengan memiliki ciri-ciri demikian, modal insan rabbani akan mampu untuk mengharungi badai tribulasi yang menerjah.

Bagi menstruktur modal insan rabbani secara komprehensif, Sa‘id Ḥawwā telah memetik ayat al-Qur'an yang memaparkan ciri-ciri golongan rabbani yang diasuh dengan tarbiah Islamiah secara sempurna, antaranya menerusi surah Āli-‘Imrān 3:79 dan

---

<sup>6</sup> Muḥammad Sa‘id Ḥawwā (Imam Masjid ‘A’ishah, ‘Abdun Jordan, dan pensyarah Universiti Mu’tah, Jordan), dalam temu bual dengan penulis, 29 Jun 2012, Masjid ‘A’ishah, ‘Abdun, ‘Amman, Jordan.

<sup>7</sup> Menurut Sa‘id Ḥawwā, pengajian di masjid-masjid merupakan suatu pendekatan yang begitu praktikal dalam merakyatkan pendidikan kepada masyarakat awam. Komitmen Sa‘id Ḥawwā menghidupkan pengajian tidak formal di masjid-masjid bersama para syeikh begitu membara sehingga beliau dilihat bertungkus-lumus mengambil manfaat ilmu daripada setiap alim ulama’ yang dikenalnya di Syria. Pendidikan tidak formal yang diperolehi begitu mempengaruhi pemikirannya bagi membina manhaj *thaqafah* buat para anggota Ikhwan ekoran sebahagian daripada kalangan mereka kurang didekah dengan tradisi pengajian kitab-kitab klasik (*turath*) serta tarbiah yang mantap. Sila lihat Sa‘id Ḥawwā, *Hadhihi Tajribātī wa Hadhihi Shahādatī*, 37 dan 54.

<sup>8</sup> Sa‘id Ḥawwā, 4. *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat* (Kaherah: Dār al-Salām, 1984), 23.

<sup>9</sup> Sa‘id Ḥawwā, 4. *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 19.

146, serta surah al-Mā''idah 5:44 dan 63.<sup>10</sup> Menerusi ayat-ayat al-Qur'an terbabit, hasil penelitian mendapati bahawa terdapat tiga komponen khusus telah ditonjolkan oleh Sa'īd Ḥawwā bagai penyediaan manhaj pembangunan modal insan rabbani, iaitu komponen *thaqāfah* bagi menerapkan keilmuan, komponen *tarbiyah* bagi membina jati diri dan pemantapan iman, dan komponen *da'wah* bagi mengasah kemahiran dakwah dan keorganisasian. Firman Allah S.W.T:

مَا كَانَ لِيَشِيرُ إِنْ يُؤْتِيهِ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولُ لِلنَّاسِ كُوْنُوا عَيَّادًا  
لَّيْ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُوْنُوا رَاتَيْيَنَ بِمَا كُشِّفْتُمْ شَعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَمَا كُشِّفَ  
تَدْرُسُونَ.

Āli-'Imrān 3:79

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamac mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah." Tetapi (sewajarnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang *Rabbaniyyin* (yang hanya menyembah Allah - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya."

Melihat konteks ayat di atas, Sa'īd Ḥawwā telah mendedahkan ciri-ciri asas bagi melahirkan golongan rabbani iaitu memiliki keilmuan yang tinggi, beramal dengannya, serta menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain.<sup>11</sup> Interpretasi beliau mengenai modal insan rabbani sebagaimana yang disebutkan dalam ayat di atas dilihat selaras dengan tafsiran yang dikemukakan oleh Ibn 'Abbās (m. 68H), Sa'īd bin Jubayr (m. 95H) yang menyifatkan golongan rabbani adalah kelompok yang bijaksana, bertakwa, dan berjiwa pendidik.<sup>12</sup> Justeru, antara komponen yang menstruktur kerangka manhaj pembangunan

<sup>10</sup> Sa'īd Ḥawwā, *Kay lā Namqāl Ba 'īdan 'an Iḥtiyājāt al-'Asr* (cet. ke-5, Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 2009), 110-111.

<sup>11</sup> Sa'īd Ḥawwā, 4. *Ihya' al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 18.

<sup>12</sup> 'Abd al-Rahmān Ibni Abī Bakr Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr fi Tafsīr bi al-Ma'thūr* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2:251.

modal insan rabbani menerusi ayat di atas ialah pembangunan yang mendorong kepada pengabdian kepada Allah S.W.T disertai ilmu dan amal.

Ayat di atas secara tidak langsung menemukan suatu epistemologi pembangunan modal insan rabbani yang mencakupi komponen *thaqāfah* dan juga komponen tarbiah lantaran wujudnya ciri terpenting golongan rabbani iaitu keilmuan (*thaqāfah*) dan ketakwaan (tarbiah). Menurut Sa‘īd Ḥawwā, komponen tarbiah ialah suatu pembangunan yang menekankan pengasuhan dan penerapan akhlak Islamiah dengan hiasan sifat mahmudah, serta penjernihan hati daripada sifat mazmumah di samping penyuburan rohani dan penyucian jiwa,<sup>13</sup> manakala komponen *thaqāfah* pula ialah proses pendidikan (*ta‘līm*) yang memfokuskan pembangunan intelektual dalam diri individu muslim bertunjangkan ketauhidan serta kemanusiaan.<sup>14</sup>

Dalam pada itu, pembangunan dakwah dengan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar didapati turut menjadi komponen terpenting dalam kerangka manhaj pembangunan modal insan rabbani. Perkara ini bersandarkan firman Allah S.W.T:

لَوْلَا يَنْهَا هُمُ الرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَخْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمُ الْإِنْجِيلُ وَأَكْلِهِمُ السُّثْنَةُ لَيُبْسِنُ مَا  
كَانُوا يَصْنَعُونَ.

Al-Mā’idah 5:63

Terjemahan: Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendeta-pendeta mereka melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram? Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan.

<sup>13</sup> Muḥammad Sa‘īd Ḥawwā (Imam Masjid ‘A’ishah, ‘Abdun Jordan, dan pensyarah Universiti Mu’tah, Jordan) dan Mu‘adhdh Sa‘īd Ḥawwā Imam Masjid Awwabin, Suwaylih, Jordan), dalam temu bual dengan penulis, 29 Jun 2012, Masjid ‘A’ishah, ‘Abdun, ‘Amman, Jordan. Muhammad menjelaskan konsep “tarbiah” sebenar yang dimaksudkan oleh bapanya, Sa‘īd Ḥawwā ialah pembangunan dan pengasuhan insan dalam membentuk keperibadian muslim sejati secara praktikal. Ia berbeza dengan pendefinisan “*ta‘līm*” yang menjurus kepada pendidikan keilmuan yang bersifat teori. Justeru, penerapan *thaqafah* menurut Sa‘īd Ḥawwā dipanggil sebagai “*ta‘līm*”, manakala pengasuhan modal insan secara amali dipanggil sebagai “tarbiah”.

<sup>14</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba‘idan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 57.

Antara ciri-ciri golongan rabbani yang dinyatakan oleh Sa‘īd Hawwā ialah melaksanakan amar makruf nahi mungkar.<sup>15</sup> Beliau telah mengguna pakai dalil di atas bagi membuktikan bahawa modal insan rabbani memainkan tanggungjawab memacu usaha dakwah berdasarkan kalimah *yanhā* (menegah kemungkaran). Ternyata huraihan beliau ini didapati selaras dengan tafsiran al-Qushayrī (m. 465H) yang mendefinisikan rabbani sebagai pemimpin yang menegah kemungkaran dengan menonjolkan perilaku mereka berbanding kata-kata.<sup>16</sup> Malangnya, terdapat ahli zuhud dan abid yang memahami istilah “rabbani” dijuruskan kepada proses *tazkiyah al-nafs* semata-mata, lalu meninggalkan tugasannya dakwah dengan beruzlah (mengasingkan diri daripada manusia). Walhal tuntutan berdakwah adalah lebih aula buat mereka di samping perlunya memperkasakan pengabdian diri kepada Tuhan.<sup>17</sup> Kalimah “rabbani” yang terdapat pada surah al-Ma’idah 5:63 sekali gus menjadi isyarat mengenai tuntutan berdakwah yang seharusnya dijadikan sebagai salah satu komponen utama dalam manhaj pembangunan modal insan rabbani.

Hasil pemerhatian mendapati, ketiga-tiga komponen tersebut kemudiannya disusun oleh Sa‘īd Hawwā menjadi konsep bersepadu dalam membangunkan modal insan rabbani (*Iḥyā’ al-Rabbaniyyah*), iaitu penerapan keilmuan rabbani (*thaqāfah rabbaniyyah*), pengukuhan tarbiah rabbani (*tarbiyah rabbaniyyah*), dan pembangunan dakwah rabbani (*da’wah rabbaniyyah*).<sup>18</sup> Berteraskan dalil-dalil al-Qur’ān mengenai

<sup>15</sup> Sa‘īd Hawwā, 4. *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 18.

<sup>16</sup> Al-Qushayri, ‘Abd al-Karim Ibn Hawazin, *Laṭā’if al-Ishārāt* (cet. ke-3, Mesir: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, t.t.), 1:436.

<sup>17</sup> Sa‘īd Hawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr* (cet. ke-7, Kaherah: Dār al-Salam li al-Tibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjamah, 2009), 2:82.

<sup>18</sup> Sa‘īd Hawwā, *Kay lā Namdī Ba’idān ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 143. Didapati juga penghasilan karya-karya beliau yang mengikut rangkaian tema sebagaimana yang dinyatakan dalam bab tiga kajian selaras dengan tiga bahagian utama gagasan pembangunan modal insan Sa‘īd Hawwā iaitu *Silsilah al-Uṣūl al-Thalāthah* (Siri Usul yang Tiga) dan *Silsilah fī al-Manhaj* (Siri Asas Manhaj Islam) yang menjadi rangkuman bagi komponen *thaqafah*, *Silsilah al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah* (Siri Pendidikan dan Penyucian) yang menjadi teras rujukan bagi pengukuhan tarbiah, serta *Silsilah Fiqh al-Da’wah wa al-Binā’ wa al-‘Amal al-Islāmī* (Siri Dakwah dan Amal Islami) yang menjadi panduan kepada pembangunan dakwah.

tasawur rabbani di atas, Sa‘īd Ḥawwā turut menggariskan satu prinsip utama keorganisasian gerakan dakwah bagi menyusun manhaj pembangunan modal insan rabbani iaitu:

أَنَّ الْقُوَّافَةَ وَالْتَّرْبِيَةَ مُقْدَمَتَانِ عَلَى الْاِنْتِمَاءِ لِلتَّنْظِيمِ

Terjemahan: Sesungguhnya keilmuan (*thaqāfah*) dan tarbiah menjadi titik pendahuluan (asas) sebelum bergabung dalam organisasi jemaah.<sup>19</sup>

Beliau selanjutnya mengutarakan dua manhaj dalam marhalah *takwin*<sup>20</sup> (pembentukan) sebagai proses input bagi pembinaan modal insan rabbani daripada prinsip di atas, iaitu manhaj *thaqāfah* dan manhaj *tarbiyah*, ditambah dengan satu manhaj *da‘wah* sebagai suatu proses output. Menurut beliau, penerapan elemen *thaqāfah* dan *tarbiyah* perlu didahulukan tanpa perlu tergesa-gesa sebelum penggabungan dalam sesebuah gerakan dakwah agar individu yang menelusuri aras-aras pengkaderan dalam sistem pembinaan akan memiliki ilmu yang mantap, jiwa yang kental, serta istiqamah dalam medan perjuangan.<sup>21</sup> Seterusnya, mereka disarankan menggabungkan diri

<sup>19</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *Jund Allāh Tanzīman*, 56.

<sup>20</sup> Hasan al-Banna telah menstruktur tiga *marhalah* (peringkat) utama dalam orientasi pengkaderan gerakan al-Ikhwan al-Muslimin dalam melaksanakan amal Islami secara berorganisasi, iaitu:

- i. *Marhalah ta‘rif* (peringkat pengenalan): Menyebarkan fikrah Islam secara umum kepada seluruh manusia. Dakwah di peringkat ini bersifat lebih umum.
- ii. *Marhalah takwin* (peringkat pembentukan): Pembentukan kader dakwah dengan memilih instrumen-instrumen khusus dalam proses pembinaan. Gambaran pembinaan kader dakwah pada *marhalah* ini adalah ibarat sufi tulen dari sudut kerohanian, dan tentera tulen dari sudut amali. Tugas amal Islami di peringkat ini adalah lebih khusus. Titik mula kepada *marhalah* ini adalah ketaatan yang sempurna kepada pemimpin gerakan.
- iii. *Marhalah tanfidh* (peringkat pelaksanaan): Pelaksanaan dakwah tanpa mengenal erti penat lelah, serta bekerja secara konsisten bagi mencapai matlamat. Dugaan dan cabaran berat pasti diharungi dalam *marhalah* ini dan hanya orang-orang yang bergelar *siddiqun* (benar) sahaja yang mampu melakukannya. Kejayaan di peringkat ini tidak akan direalisasikan melainkan disertai dengan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada pimpinan. Sila lihat Hasan al-Banna, *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Shāhid Hasan al-Banna* (Kaherah: Dār al-Shiħāb, t.t.), 274.

<sup>21</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *Fi Afaq al-Ta‘alim: Pendidikan Harakah Islamiyyah: Syarah Risalah al-Ta‘lim*, terj. Nor Hasanuddin (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008), 187.

(*intima*) dalam organisasi gerakan bagi meniupkan roh berpasukan sekali gus merealisasikan usaha dakwah serta gerak kerja.<sup>22</sup>

Kepentingan penerapan *thaqāfah* dan *tarbiyah* yang digagaskan Sa‘īd Ḥawwā ini adalah bagi memantapkan dakwah yang disampaikan oleh modal insan. Malah, ‘Abd Allāh Naṣīḥ ‘Ulwan (m. 1987) turut bersepakat dengan Sa‘īd Ḥawwā bahawa pengabaian kedua-dua elemen tunjang (*thaqāfah* dan *tarbiyah*) akan mengundang kegagalan dakwah susulan masyarakat akan menjauhi mereka. Ini kerana, mereka tidak memiliki pancaran rohani, ciri-ciri akhlak yang terpuji, di samping kepincangan *thaqāfah* yang menghilangkan keyakinan masyarakat terhadap mereka.<sup>23</sup> Kesemua fikrah dan manhaj yang telah digubal oleh beliau apabila diperhatikan ternyata menggandingkan pendalilan nas sebagai paksi binaan ketiga-tiga manhaj (*thaqāfah*, tarbiah, dan dakwah).<sup>24</sup>

Rumusannya, kerangka manhaj pembangunan modal insan rabbani yang distruktur oleh Sa‘īd Ḥawwā merangkumi tiga komponen teras iaitu penerapan keilmuan rabbani (*thaqāfah rabbaniyyah*), pengukuhan tarbiah rabbani (*tarbiyah rabbaniyyah*), dan pembangunan dakwah rabbani (*da‘wah rabbaniyyah*). Ketiga-tiga komponen tersebut dibina berdasarkan ayat yang mengandungi kalimah “rabbani” iaitu daripada surah Ālī-‘Imran 3:79 serta surah al-Mā’idah 5:63.

### a. Penerapan Keilmuan Rabbani (*Thaqāfah Rabbaniyyah*)

Antara komponen fundamental yang diutarakan oleh Sa‘īd Ḥawwā dalam manhaj pembangunan modal insan rabbani ialah penerapan keilmuan yang jitu pada diri individu muslim. Menurut beliau, umat Islam era kini rata-rata dilanda kepincangan dalam mempraktikkan tarbiah Islamiyah sebenar ekoran ketiadaan suatu pendedahan keilmuan yang mampan. Pembentukan modal insan rabbani dalam sistem pendidikan juga pastinya tidak dapat

<sup>22</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *Jund Allāh Tanzīman*, 56.

<sup>23</sup> ‘Abd Allah Nasīḥ ‘Ulwan, *Silsilah Madrasah al-Du‘ah* (cet. ke-7, Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2010), 2:741-742.

<sup>24</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *Jund Allāh Tanzīman*, 4.

dilaksanakan dengan jayanya tanpa ilmu pengetahuan.<sup>25</sup> Dalam pada itu, bagi Muhammad Sayyid al-Wakil, gerakan al-Ikhwan al-Muslimin turut menyedari bahawa penerapan *thaqāfah* (pengetahuan) yang integratif berupaya membangun tamadun.<sup>26</sup> Daya pencapaian sesebuah bangsa dapat dipacu dengan pendedahan keilmuan terhadap mereka.<sup>27</sup> Bagi menangani kekenduran pelaksanaan amal Islami dalam kalangan umat Islam, Sa‘id Hawwā telah menggariskan kerangka *thaqāfah* yang ideal sebagai komponen teras dalam manhaj pembangunan modal insan rabbani gagasan beliau.<sup>28</sup>

Beberapa ayat al-Qur'an dipetik oleh Sa‘id Hawwā sebagai teras binaan bagi menstruktur kerangka *thaqāfah rabbaniyyah*, antaranya, surah Ali-'Imran 3:79. Ayat ini dikemukakan oleh beliau dalam risalah *Ihyā' al-Rabbaniyyah* ketika mengupas ciri-ciri yang perlu digarap terhadap modal insan.<sup>29</sup> Firman Allah S.W.T:

مَا كَانَ لِيَسْتَرِّ أَن يُؤْتِيهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمُ وَالنُّبُوَّةُ ثُمَّ يَعْوَلُ لِلنَّاسِ كُوْنُوا عِبَادًا  
لِّي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُوْنُوا رَّجَائِيْنِ إِمَا كُنْتُمْ تُعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَإِمَا كُنْتُمْ  
تَأْرِسُونَ.

Āli-'Imran 3:79

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah." Tetapi (sewajarnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang *Rabbaniyyin* (yang hanya menyembah Allah Taala - Dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana

<sup>25</sup> Sa‘id Hawwā, *Fi Afaq al-Ta‘alim* (Kaherah: Maktabah Wahbah, t.t.), 96.

<sup>26</sup> Muhammad Sayyid al-Wakil, *Kubrā al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Qarn al-Rābi‘ al-‘Ashārah Hijri: Pergerakan Islam Terbesar Abad ke-14H*, terj. Lc. Fakhruddin (Bandung: Asy Syaamil Press & Grafika, 2001), 92.

<sup>27</sup> Siddiq Fadzil, *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat* (Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah, 2012), 136.

<sup>28</sup> Sa‘id Hawwā, *Jund Allāh Thaqāfatān wa Akhlāqān* (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979), 62.

<sup>29</sup> Sa‘id Hawwā, 4. *Ihya' al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 18.

kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”

Ayat al-Qur'an di atas menampilkan suatu deskripsi buat golongan rabbani, iaitu mereka yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi serta berusaha menyampaikannya kepada orang lain selain berpegang teguh dengan agama Allah. Sa'īd Ḥawwā mengulas, seseorang manusia yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kitab agama, hikmah, dan kenabian tidak sewajarnya berkata kepada sekalian manusia, “*Hendaklah kalian menyembahku dengan meninggalkan sembahana kepada Allah*”. Beliau seterusnya mentafsirkan kalimah *al-hukm* sebagai hukuman dalam pemerintahan, atau kebijaksanaan (*al-Hikmah*), atau sunnah Nabi SAW. Selanjutnya, kalimah *rabbaniyyin* pula dinyatakan oleh beliau sebagai mereka yang sangat berpegang teguh dengan agama Allah dan mentaati perintah-Nya. Ketaatan kepada Allah perlulah disusuli dengan keilmuan yang mantap, faqih, serta bersifat lemah lembut.<sup>30</sup> Tafsiran beliau ini diperkuat dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mujahid bin Jabr (m. 104H)<sup>31</sup> bahawa *rabbaniyyin* bermaksud mereka yang faqih, ulama', dan bijaksana.<sup>32</sup> Al-Hasan al-Basri pula mentafsirkan golongan *rabbaniyyin* sebagai ahli ibadah, serta orang yang bertakwa. Kesemua sifat-sifat rabbani yang dinyatakan di atas tidak akan tercapai dengan jayanya melainkan dengan memiliki ilmu pengetahuan yang berguna sebagai pancaran keimanannya<sup>33</sup> dan perkara ini telah dinyatakan oleh Allah SWT pada sambungan ayat yang sama iaitu:

إِنَّمَا كُنْتُمْ تُعَلَّمُونَ الْكِتَابَ وَإِنَّمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ.

Āli 'Imran 3:79

Terjemahan: ...kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.

<sup>30</sup> Sa'īd Ḥawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr*, 1:401.

<sup>31</sup> Mujāhid bin Jabar merupakan salah seorang tokoh tafsir pada zaman tabi'in yang mempelopori madrasah tafsir di Mekah. Beliau merupakan anak murid kepada Ibn 'Abbas yang juga merupakan tokoh tafsir tersohor pada zaman sahabat. Sila lihat Muṣṭafā Muslim, *Maṇāḥij al-Mufassirīn: al-Qism al-Awwāl fī 'Aṣr al-Sāḥabah* (Riyadh: Dār al-Muslim, 1994), 79.

<sup>32</sup> Mujāhid bin Jabr al-Qurāshī al-Makhzūmī, *Tafsīr Mujāhid*, ed. Abū Muhammad al-Asyūtī (Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005), 40.

<sup>33</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, *al-Ḥayāh al-Rabbaniyyah wa al-'Ilm* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 84.

Merujuk kepada potongan ayat di atas, Sa‘īd Ḥawwā mengungkap bahawa pegangan yang teguh terhadap agama Allah setelah memiliki ilmu yang mantap serta penyampaian ilmu kepada orang lain menjadi ciri teras yang terdapat pada modal insan rabbani.<sup>34</sup> Tambahan pula, menurut beliau, tidaklah seseorang dai mampu melaksanakan usaha dakwah dalam konteks semasa yang penuh dengan liku-liku perjuangan melainkan peranan ini dimainkan oleh modal insan rabbani lantaran mereka memiliki tahap keintelektualan yang tertinggi di samping mempunyai keupayaan untuk mengajarkan ilmu kepada insan lain.<sup>35</sup> Oleh yang demikian, bagi merealisasikan misi ke arah membangunkan modal insan rabbani menerusi gagasan *Ihya’ al-Rabbaniyyah*, ternyata penataan budaya ilmu adalah suatu komponen utama yang wajib diperkasakan ke dalam setiap individu muslim.

Justeru, madrasah *Ihya’ al-Rabbaniyyah* gagasan Sa‘īd Ḥawwā menghidangkan instrumen pembangunan *thaqāfah* dengan penggubalan kurikulum komprehensif yang perlu dijelajuri oleh setiap individu muslim. Jika dicermati kembali kurikulum *thaqāfah* dalam madrasah *Ihya’ al-Rabbaniyyah* gagasan beliau, ternyata kebanyakan sukatan pengajian yang digunakan adalah daripada hasil penulisan Sa‘īd Ḥawwā. Ini kerana, penghasilan kesemua karya beliau adalah manifestasi usaha beliau dalam membina manhaj *thaqāfah* yang kolektif untuk diluncurkan buat seluruh masyarakat khususnya buat para pendakwah.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun, jelas Sa‘īd Ḥawwā, manhaj *thaqāfah* dalam madrasah *Ihya’ al-Rabbaniyyah* tidaklah hanya tertakluk kepada karya-karya tertentu cadangan beliau. Apa yang lebih utama ialah substansi yang diterapkan dalam kurikulum pendidikan rabbani tidak tersasar daripada objektif sesuatu sukatan pengajian sungguhpun sukatan yang diguna pakai adalah berbeza.<sup>37</sup>

Hasil pengamatan Sa‘īd Ḥawwā, terdapat 14 subjek pengajian seharusnya dikuasai oleh penuntut dalam madrasah *Ihya’ al-*

<sup>34</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr*, 1:400.

<sup>35</sup> Sa‘īd Ḥawwā, 4. *Ihya’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 18.

<sup>36</sup> Mu‘adh Sa‘īd Ḥawwā (Imam Masjid Awwabin, Suwaylih, Jordan), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2012. Temu bual berkisar karya-karya Sa‘īd Ḥawwā.

<sup>37</sup> Sa‘īd Ḥawwā, *Fi Afaq al-Ta‘alim: Pendidikan Harakah Islamiyyah: Syarah Risalah al-Ta‘lim*, 177.

*Rabbaniyyah* (pembangunan kader dakwah rabbani) bagi melahirkan modal insan rabbani yang memiliki pengetahuan yang lengkap.<sup>38</sup> 14 subjek yang telah digubal oleh Sa‘id Ḥawwā tersebut dapatlah dirumuskan kepada tujuh disiplin teras seperti berikut.<sup>39</sup>

1. Pengajian usul yang tiga (*al-Uṣūl al-Thalāthah*)
2. Pengajian asas manhaj Islam (*al-Asās fī al-Manhaj*)
3. Pengajian teori dan amali Islam
4. Pengajian berkaitan gagasan pembinaan dai rabbani
5. Pengajian tasawuf (*Tazkiyah al-Nafs*)
6. Pengajian bahasa Arab
7. Pengajian sejarah dan cabaran Islam kontemporari

Terdapat beberapa kitab khusus dicadangkan oleh Sa‘id Ḥawwā untuk dijadikan silibus dalam setiap tujuh disiplin teras di atas. Manakala dalam sehari, disyorkan kepada para penuntut agar memperuntukkan sekurang-kurangnya satu jam bagi satu subjek daripada 14 subjek pengajian kitab tersebut.<sup>40</sup>

### **b. Pengukuhan Tarbiah Rabbani (*Tarbiyah Rabbaniyyah*)**

Elemen tarbiah sememangnya menjadi nadi gerakan demi kelangsungan dakwah lantaran lahirnya aktivis-aktivis dakwah yang memiliki kekentalan jiwa bagi memikul panji Islam secara istiqamah. Ini bertepatan dengan ulasan Yūsuf al-Qardāwī bahawa matlamat ulung tarbiah Islamiah adalah membangunkan modal insan dengan keimanan yang utuh serta konsisten dalam melaksanakan amalan.<sup>41</sup> Beliau menambah bahawa tiang asas

<sup>38</sup> 14 subjek pengajian tersebut ialah siri *al-Uṣūl al-Thalāthah* (“Usul yang Tiga”) iaitu penggunaan karya *Allah, Muhammad, dan Islam*, siri *al-Asās fī al-Manhaj* (“Asas Manhaj Islam”) iaitu penggunaan karya *al-Asās fī al-Tafsīr, al-Asās fī al-Sunnah, dan al-Asās fī Ḏawābiṭ al-Fahm li al-Nuṣūṣ*), tasawur modal insan rabbani, *fiqh* umum dan *fiqh* mazhab, *usul fiqh*, akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, tazkiyyah al-nafs*, bahasa Arab, *sirah nabawiyah* dan sejarah Islam, *‘ulum al-Qur’ān, ‘ulum al-hadīth, fiqh* dakwah semasa, pengajian Islam semasa, dan pengantar ilmu semasa. Sila lihat Sa‘id Hawwā, *Kay lā Namdī Ba ‘īdan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 118-120.

<sup>39</sup> Sa‘id Hawwā, 4. *Ihya’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 25. Lihat juga Sa‘id Hawwā, *Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlaqan* (cet. ke-7, Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2010), 62.

<sup>40</sup> Sa‘id Hawwā, 4. *Ihya’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 52.

<sup>41</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Bannā* (Beirut: Lubnan, 2001), 11.

kepada *tarbiyah rabbaniyyah* ialah memiliki hati yang hidup yang bertautan dengan Allah SWT, yakin dengan pertemuan dan perhitungan-Nya, mengharapkan rahmat-Nya, takut akan balasan buruk-Nya dan sebagainya.<sup>42</sup>

‘Abd al-Ḥāmid al-Ghazālī pula menjelaskan, matlamat tarbiah ialah membentuk dan menyediakan modal insan yang mampu mendukung tanggungjawab dengan menampilkan nilai-nilai yang diperjuangkan. Nilai-nilai terbabit terkandung dalam rukun baiah yang telah disusun oleh Hasan al-Banna.<sup>43</sup> Elemen tarbiah menurut Sa‘id Ḥawwā merupakan satu proses pembangunan yang menumpukan penerapan akhlak mahmudah dan penyucian jiwa. Pembangunan dari aspek fizikal dan spiritual, lalu menghasilkan manusia yang praktikal menurutnya dipanggil sebagai tarbiah, manakala elemen yang membangunkan keintelektualan individu dipanggil sebagai *ta’līm*.<sup>44</sup> Ternyata pandangan Sa‘id Ḥawwā ini dilihat tidak berbeza dengan ulasan Yūsuf al-Qardāwī mengenai konsep tarbiah. Melihat kepada kupasan Sa‘id Ḥawwā mengenai tarbiah, dapatlah dirumuskan bahawa *tarbiyah rabbaniyyah* bersangkut-paut dengan dua komponen utama terhadap penstrukturran manhaj iaitu komponen pembangunan akhlak dan komponen pembangunan spiritual.

Pembangunan modal insan rabbani berhajat kepada penyemaian akhlak yang sempurna terhadap individu di samping penjanaan kecerdasan spiritual yang tinggi sehingga merasakan penjiwaan yang mendalam dalam pengabdian diri kepada Allah.<sup>45</sup> Sa‘id Ḥawwā telah mengguna pakai pendalilan surah Āli-‘Imran

<sup>42</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Bannā*, 12.

<sup>43</sup> Sistem nilai tersebut adalah berasaskan rukun baiah yang digariskan oleh Hasan al-Banna dalam *Risālah al-Ta‘alim*, iaitu 1. Faham, 2. Ikhlas, 3. Amal, 4. Jihad, 5. Berkorban, 6. Taat, 7. Tabah, 8. Tajarrud, 9. Bersaudara, 10. Percaya. Sila lihat ‘Abd al-Hamid al-Ghazali, *Perkara Asas dalam Agenda Kebangkitan Ummah*, 203. Lihat juga Hasan al-Banna, *Majmū ‘ah Rasā’il al-Imām*, 268.

<sup>44</sup> Muhammad Sa‘id Hawwā (Imam Masjid ‘A’isyah, ‘Abdun, ‘Amman, Jordan), dalam temu bual dengan penulis, 29 Jun 2012. Beliau menjelaskan konsep tarbiah sebenar yang dimaksudkan oleh bapanya, Sa‘id Ḥawwā ialah pembangunan dan pengasuhan dalam membentuk keperibadian muslim secara praktikal. Ia berbeza dengan pendefinisan *ta’līm* yang menjurus kepada pendidikan keilmuan yang bersifat teori.

<sup>45</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Kay lā Namdāt Ba ‘idān ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 123.

3:146-148 dan surah al-Ma''idah 5:54-56 sebagai asas binaan manhaj dalam mempersempahkan komponen pembangunan akhlak secara khusus bagi seorang modal insan rabbani.<sup>46</sup> Pembangunan akhlak berdasarkan ayat-ayat terbabit dapatlah digeneralisasi kepada dua komponen utama akhlak iaitu; 1) akhlak *ribbiyyun* yang berlandaskan surah Ali-'Imran 3:146-148, dan 2) akhlak *hizb Allāh* yang berlandaskan surah al-Mā'idah 5:54-56.<sup>47</sup>

Komponen pembangunan spiritual juga merupakan satu aspek terpenting dalam pembangunan modal insan rabbani lantaran hakikat penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Bagi memupuk pengabdian diri sebagai seorang hamba, maka elemen *tazkiyah al-nafs* dan tasawuf adalah sangat mustahak diimplementasikan bagi menyelami pertautan hati dengan Pencipta berdasarkan akidah Islamiah yang benar, mendidik roh dengan melaksanakan amal ibadah, serta meningkatkan martabat *al-nafs* sehingga ke darjat kesempurnaan tertinggi.<sup>48</sup> Penerapan elemen tasawuf yang murni menjadi tembok daripada hasutan syaitan, memerangi hawa nafsu yang rakus, sehingga akhirnya memperhias akhlak dengan sifat mahmudah serta menghindari dosa.<sup>49</sup> Beliau selanjutnya menguna pakai dalil al-Qur'an dari surah al-Ra'd 13:28 dan surah al-Ahzab 33:21 sebagai paksi binaan yang mendukung keperluan *tarbiyah rūhiyyah*<sup>50</sup> terhadap modal insan. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ آمَنُوا وَطَمَئِنُ فُلُوْبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۝ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْفُلُوبُ۔

Al-Ra'd 13:28

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

<sup>46</sup> Sa'īd Hawwā, *Kay lā Namdī Ba 'īdan 'an Iḥtiyājāt al- 'Asr*, 122.

<sup>47</sup> Sa'īd Hawwā, *Kay lā Namdī Ba 'īdan 'an Iḥtiyājāt al- 'Asr*, 122.

<sup>48</sup> 'Abd Allah Nasih 'Ulwan, *al-Shabāb al-Muslim fī Muwājahah al-Tahaddiyyāt al- 'Asr* (Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 1993), 207.

<sup>49</sup> Al-Qardāwī, *Awlāwiyyat al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qadīmah* (cet. ke-6, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2010), 71.

<sup>50</sup> Sa'īd Hawwā, 4. *Ihya' al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 23 dan 66.

Sa‘id Ḥawwā mengulas,<sup>51</sup>

Allah S.W.T telah menyifatkan mereka yang berhak memperoleh hidayah-Nya ialah mereka yang kembali bertaubat kepada-Nya, memohon pertolongan kepada-Nya, dan merendah diri kepada-Nya. Kemudian Allah sifatkan mereka dengan firman-Nya: (*Iaitu*) *orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah.* Mereka mengingati Allah SWT dengan bertasbih, bertahlil, beristighfar, dan membaca al-Qur'an, lalu hati mereka baik dan cenderung kepada Allah, tenang hatinya tatkala mengingati-Nya, reda hatinya dengan menyaksikan Allah sebagai Penolongnya. Firman Allah: *Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.* Iaitu dengan sebab mengingati Allah SWT, tenanglah hati orang-orang yang beriman.

Tafsiran beliau di atas menunjukkan bahawa modal insan yang dikurniakan petunjuk oleh Allah SWT ialah mereka yang bertaubat, yang terdiri daripada orang mukmin. Hati mereka pasti tenang tatkala mengingati Allah S.W.T. Beliau turut menyatakan bentuk-bentuk zikrullah iaitu bertasbih, bertahlil, beristighfar, dan membaca al-Qur'an. Pengamalan zikir bagi hati menurutnya memiliki kedudukan yang sangat tinggi. Dengan keazaman yang berdiri atas dasar ilmu dan amal (zikir), seseorang mampu merentasi cabaran lingkungan yang besar dalam kehidupan mereka.<sup>52</sup>

Modal insan rabbani yang dicitakan oleh umat masa kini sewajarnya memiliki pengamalan zikir pada setiap detik waktu bagi meningkatkan keyakinan kepada janji Tuhan.<sup>53</sup> Bagi Sa‘id Ḥawwā, ayat di atas mengandungi faedah yang berhubung dengan dakwah dan tarbiah. Modal insan berjiwa dai sewajarnya turut memfokuskan beberapa elemen penting bagi membangunkan spiritual modal insan iaitu taubat dan penyesalan, keimanan kepada Allah SWT, serta memperbanyak mengingati-Nya. Tegas beliau lagi, modal insan yang paling berjaya dalam membimbing insan lain ke jalan kebenaran ialah mereka yang

<sup>51</sup> Sa‘id Ḥawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr*, 3:175.

<sup>52</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Tarbiyatuna al-Rūhiyyah* (cet. ke-9, Kaherah: Dār al-Salām li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2007), 73.

<sup>53</sup> Sa‘id Ḥawwā, 4. *Ihya’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*, 23.

berdiri atas landasan sufi yang murni. Ini kerana, mereka yang melalui jalan sufi berperanan membimbang pengikut (المريد) dengan istighfar, mengingati Allah, serta menumpukan aktiviti muzakarah dalam proses mengenal Allah dan menginsafi kelemahan hati.<sup>54</sup>

Selanjutnya, dalam tafsiran Sa‘id Ḥawwā, beliau turut mengingatkan setiap individu muslim agar memperbanyakkan solat kerana menurutnya, solat adalah amalan tertinggi dalam segala zikir. Tegas beliau, individu muslim sewajarnya memperbanyakkan zikir dengan mengamalkan wirid yang *ma’thur* secara konsisten pada setiap musim panas, sejuk, musafir dan tidak musafir, bahkan disyorkan untuk meningkatkan kuantiti zikir sekiranya memiliki keazaman yang tinggi. Turut disarankan juga agar seseorang individu muslim beristighfar, selawat, bertahbil (mengucap *La Ilahā Illa Allāh*), bertasbih, bertahmid, bertakbir, memelihara zikir-zikir dalam solat, berqiamullail, serta menunaikan solat duha.<sup>55</sup> Menerusi tafsiran Sa‘id Ḥawwā terhadap ayat berkaitan pengukuhan tarbiah di atas, komponen pembangunan spiritual dapatlah dirumuskan kepada tiga bentuk iaitu *tadabbur* al-Qur'an, zikrullah dan selawat (merangkumi bacaan wirid dan *al-ma’thūrāt*), serta qiamullail dan solat sunat.

### c. Pembangunan Dakwah Rabbani (*Da‘wah Rabbaniyyah*)

Penyebaran fikrah Islam yang berkesan bertitik tolak daripada pembangunan dakwah yang efektif yang diterapkan terhadap setiap modal insan. Nyatanya usaha dakwah merupakan satu kewajipan yang tergalas di bahu umat Islam. Atas faktor tersebut, modal insan yang dibangunkan perlu disemai dengan kefahaman berdakwah serta praktikalitinya di lapangan umat. Hal ini diakui oleh Mustafa Masyhur, bahawa dakwah turut menjadi bekalan penting dalam membangunkan modal insan. Di saat seseorang individu menghidupkan hati manusia dengan makrifatullah, imannya turut bertambah dan hatinya dekat dengan Allah SWT. Selain mengasah kemahiran insaniah, sebahagian besar waktunya dihabiskan dengan pelaksanaan dakwah di dalam majlis-majlis yang dikelilingi para malaikat, diliputi rahmat, dan dilimpahkan

<sup>54</sup> Sa‘id Ḥawwā, *al-Asās fi al-Tafsīr*, 3:181-182.

<sup>55</sup> Sa‘id Ḥawwā, *al-Asās fi al-Tafsīr*, 3:182.

ketenangan.<sup>56</sup> Kesemua ini merupakan instrumen terpenting terhadap modal insan rabbani dari perspektif dakwah seiring dengan kegiatan dakwah yang dilaksanakan oleh mereka.

Menyedari akan tuntutan berdakwah, Sa‘id Ḥawwā telah menyusun manhaj pembangunan dakwah rabbani buat modal insan. Al-Qur'an telah merakamkan, sebaik-sebaik perkataan ialah mereka yang menyeru kepada Allah dengan membawa identiti seorang muslim sejati yang benar-benar berpegang teguh kepada ajaran agama. Firman Allah SWT:<sup>57</sup>

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Fussilat 41:33

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah diri kepada Allah)."

Ayat terbabit telah dipilih Sa‘id Ḥawwā sebagai teras penstukturran manhaj *da‘wah rabbaniyyah* dalam madrasah *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah*. Menerusi ayat di atas, Sa‘id Ḥawwā mentafsirkan, Allah SWT memerintahkan para muslim untuk menzahirkan keislamannya dengan berbangga terhadap Islam yang dianutinya.<sup>58</sup> Dengan identiti keislaman terbabit, mereka menyampaikan seruan Islam kepada seluruh muslimin dengan penuh keikhlasan, dan demikianlah merupakan sebaik-baik perkataan.

Sa‘id Ḥawwā turut memetik pandangan yang dikeluarkan oleh Ibn Kathīr bahawa individu yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah orang yang melaungkan azan (*mu’adhdhin*).<sup>59</sup> Walau bagaimanapun, Sa‘id Ḥawwā berkomentar bahawa ayat tersebut bersifat umum dan tidak terhad kepada *mu’adhdhin*. Ia ditujukan kepada seluruh umat Islam yang menyampaikan risalah dakwah memandangkan ayat tersebut merupakan ayat *makkiyyah*, sedangkan pensyariatan azan secara sempurna hanya bermula di

<sup>56</sup> Muṣṭafā Mashhūr, *Zadun ‘ala al-Tariq: Bekalan di Sepanjang Jalan Dakwah*, terj. Ahmad Hasan Mohd Nazam dan Mohd Nizam Mohd Ali (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2003), 248.

<sup>57</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba ‘idān ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 331.

<sup>58</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba ‘idān ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 303.

<sup>59</sup> Sa‘id Ḥawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr*, 5:415.

Madinah. Beliau turut memetik tafsiran yang dikemukakan oleh Hasan al-Basri bagi menghuraikan golongan tersebut iaitu kekasih Allah, wali Allah, dan pilihan Allah. Allah memperkenankan segala permintaan mereka, dan mereka lahir khalifah Allah.<sup>60</sup> Seruan dakwah yang disampaikan oleh modal insan sudah tentunya mendorong mereka memelihara imej Islam yang dipikul dengan memperbaiki diri mereka. Justeru, modal insan sekali gus dikurniakan hidayah dengan berusaha mengislah dirinya di samping berdakwah kepada orang lain berasaskan ayat di atas pada seruan *wa qāl innānī min al-muslimīn* (...dan berkata: “Sesungguhnya aku dalam kalangan orang-orang Islam (yang berserah diri kepada Allah”).<sup>61</sup>

Komponen Pembangunan	Asas Pendalilan	Tafsiran Ulama terhadap Kalimah <i>Rabbānī</i>	Kalimah Kunci
Keilmuan <i>Rabbānī</i> ( <i>Thaqāfah Rabbāniyyah</i> )	Āli ‘Imrān 3:79	Ulama, Fuqaha, Pelajar, Guru	<i>tu ‘allimūn tadrusūn</i>
Tarbiah <i>Rabbānī</i> ( <i>Tarbiyah Rabbāniyyah</i> )		Abid, Orang yang bertakwa	<i>‘ibādā</i>
Dakwah <i>Rabbānī</i> ( <i>Da‘wah Rabbāniyyah</i> )	Al-Ma’idah 5:63	Golongan yang melaksanakan Amar Makruf Nahi Mungkar, Da‘i	<i>yanhā</i>

Jadual 1: Rumusan Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabbani Sa‘id Hawwā

Di samping dapat memupuk pengislahan terhadap diri modal insan apabila melaksanakan usaha dakwah, pengaplikasian dakwah juga dapat meningkatkan kemahiran serta kecekapan modal insan dalam merencana serta menyebarkan dakwah secara individu (*fard*) mahupun secara berorganisasi (*jama‘ī*). Komponen

<sup>60</sup> Sa‘id Hawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr*, 5:427-428.

<sup>61</sup> Sa‘id Hawwā, *al-Asās fī al-Tafsīr*, 5:415.

manhaj *da'wah rabbaniyyah* selanjutnya dicernakan oleh Sa'īd Ḥawwā kepada tiga bahagian utama iaitu memberi nasihat, menyumbang khidmat, dan melaksanakan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.

### **Mekanisme Pembangunan Modal Insan Rabbani**

Sa'īd Hawwa telah menggariskan mekanisme pembangunan modal insan rabbani bagi ketiga-tiga manhaj pembangunan. Bagi penerapan keilmuan (*thaqāfah*), matlamat penerapan *thaqāfah rabbaniyyah* adalah bagi melahirkan dua karakter modal insan rabbani, iaitu mewujudkan modal insan rabbani yang memiliki pengetahuan Islam yang sempurna (*thaqāfah Islāmiyyah mutakāmilah*) serta merekayasa modal insan rabbani agar munculnya golongan yang memiliki kepakaran dalam sesuatu bidang agama.<sup>62</sup> Institusi masjid sewajarnya diimarahkan dengan menjadikan sebagai pusat ilmu menerusi halakah-halakah ilmu yang dikendalikan oleh murabbi. Selain itu, penubuhan universiti swasta juga menjadi mekanisme pelaksanaan manhaj dengan mewujudkan pengajian ke arah menghasilkan ahli-ahli yang berkepakaran. Manhaj *thaqāfah* yang distuktur oleh Sa'īd Ḥawwā bertujuan menjelmakan kurikulum pengajian Islam sebagai satu manhaj inklusif yang dapat dipartisipasi pelbagai golongan dan tidak terbatas kepada penuntut formal semata-mata.<sup>63</sup>

Mekanisme pelaksanaan manhaj tarbiah pula dapatlah dilihat dari dua perspektif, iaitu perspektif teori dan perspektif amali. Aspek teori menumpukan pembinaan kefahaman modal insan tentang penerapan pengetahuan kesufian dan pendidikan akhlak Islamiah yang mampan. Susulan itu, Sa'īd Ḥawwā telah menghasilkan tiga buah karya yang berkaitan *tarbiyah ruhiyyah* serta tasawuf dalam manhaj *tarbiyah rabbaniyyah* iaitu *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus*, dan *Mudhakkirāt fī Manāzil al-Siddiqīn wa al-Rabbaniyyīn*.<sup>64</sup> Pelaksanaan aktiviti kerohanian dicadangkan agar dapat dilakukan dalam *ḥalaqah Iḥyā' al-Rabbaniyyah*. Pendekatan baiah kepada syeikh dilaksanakan dalam manhaj tarbiah sebagai mekanisme

<sup>62</sup> Sa'īd Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba 'idān 'an Iḥtiyājāt al-'Asr*, 120.

<sup>63</sup> Sa'īd Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba 'idān 'an Iḥtiyājāt al-'Asr*, 109.

<sup>64</sup> Sa'īd Ḥawwā, *Mudhakkirāt fī Manāzil al-Siddiqīn wa al-Rabbaniyyīn* (Beirut: Dār 'Ammar, 1989), 646.

pelaksanaan bagi melahirkan ahli yang bertakwa, dan taat terhadap amanah yang diberikan berupa amalan sunat sehariannya.<sup>65</sup>

Mekanisme bagi pembangunan dakwah pula menurut Sa‘id Ḥawwā pula ialah dengan menubuhkan majlis dakwah sebagai badan yang mengelolakan penerbitan dan percetakan karya, serta berpatisipasi dalam penyiaran televisyen dan radio. Selain itu, penyaluran dakwah menerusi khutbah juga dicadangkan sebagai satu pendekatan nasihat. Aspek sumbangan khidmat pula ialah menubuhkan badan kebaikan di setiap daerah bagi menyumbang khidmat kebaikan kepada masyarakat lokaliti. Manakala pelaksanaan fardu ain dan fardu kifayah pula diaplikasikan dengan menubuhkan badan *takhassus* yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam segenap cabang ilmu pengetahuan. Mereka seterusnya dianugerahkan sijil ijazah setelah melalui tahap-tahap pengajian ilmu, tarbiah, aktiviti dakwah yang disusun dalam madrasah *Ihyā’ al-Rabbaniyyah*.<sup>66</sup>


Para da‘i selanjutnya diserap sebagai anggota Pertubuhan Sedunia Ulama’ dan Pendakwah Islam di peringkat antarabangsa sebagai satu proses kesinambungan daripada keanggotaan dalam harakah *Ihyā’ al-Rabbaniyyah* dalam sebuah negara.<sup>67</sup> Gabungan anggota daripada seluruh negara di dalam Pertubuhan Sedunia Ulama’ dan Pendakwah Islam pastinya menjadi juru bicara dalam menangani kemelut yang melanda umat Islam dengan syiar *da‘m al-mawjūd wa ‘ījād al-mafqūd* (menyokong apa-apa yang sedia ada, dan mewujudkan apa-apa yang hilang).<sup>68</sup> Konsep pembangunan modal insan rabbani gagasan Sa‘id Ḥawwā sekali gus menyaksikan wawasan besar Sa‘id Ḥawwā dalam membangunkan modal insan sehingga ke peringkat antarabangsa. Hasil analisis, dilampirkan rajah yang memaparkan sistem pembangunan modal insan rabbani dalam madrasah *Ihyā’ al-Rabbaniyyah* seperti berikut:

<sup>65</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba ‘īdan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 380.

<sup>66</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Kay lā Namdī Ba ‘īdan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*, 346-348.

<sup>67</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Jund Allāh Takhtitan*, 113.

<sup>68</sup> Sa‘id Ḥawwā, *Jund Allāh Tanẓīman*, 34.



Rajah 1: Sistem Pembangunan Modal Insan Rabbani dalam Madrasah *Ihya' al-Rabbaniyyah*

## Penutup

Pembangunan modal insan adalah satu usaha yang lestari ke arah membentuk sumber manusia yang dapat memberikan manfaat kepada umat. Madrasah *Ihya' al-Rabbaniyyah* cetusan idea Sa'īd Ḥawwā menampilkan tiga teras pembangunan modal insan iaitu penerapan keilmuan rabbani (*thaqāfah rabbaniyyah*), pengukuhan tarbiah rabbani (*tarbiyah rabbaniyyah*), dan pembangunan dakwah rabbani (*da'wah rabbaniyyah*). Berdasarkan penelitian terhadap pemikiran Sa'īd Ḥawwā dalam karya-karya beliau, buah pemikiran pembangunan modal insan beliau diyakini mampu melahirkan kader dakwah rabbani yang sarat dengan ilmu

pengetahuan yang mantap, tarbiah yang jitu, akhlak yang terpuji, serta bersedia untuk memikul dakwah di peringkat negara sehingga ke arena antarabangsa. Sa'īd Ḥawwā turut meletakkan institusi masjid sebagai wahana utama pembangunan modal insan rabbani dengan mengembangkan fungsi masjid sebagai hab pendidikan yang memiliki sukanan kurikulum pengajian Islam yang bersepadu, pusat tarbiah rohani, dan institusi pengkaderan pendakwah.

## Rujukan

- 'Ulwan, 'Abd Allāh Nāsiḥ. *Al-Shabāb al-Muslim fī Muwājahah al-Taḥaddiyāt al-'Aṣr*. Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 1993.
- 'Ulwan, 'Abd Allāh Nāsiḥ. *Silsilah Madrasah al-Du'ah*. Cet. ke-7, Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2010.
- Al-Banna, Hasan. *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Shāhid Hasan al-Banna*. Kaherah: Dār al-Shihāb, t.t.
- Al-Khālidī, Ṣalah 'Abd al-Fattāḥ. *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn*. Cet. ke-4, Damsyik: Dār al-Qalam, 2010.
- Al-Makhzūmī, Mujahid bin Jabr al-Qurāshī. *Tafsīr Mujāhid*, ed. Abū Muḥammad al-Asyūṭī. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005.
- Al-Qardāwī, Yūsuf. *Al-Hayāh al-Rabbaniyyah wa al-'Ilm*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- Al-Qardāwī, Yūsuf. *Al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Bannā*. Beirut: Lubnan, 2001.
- Al-Qardāwī, Yūsuf. *Awlāwiyyat al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qadīmah*. Cet. ke-6, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2010.
- Al-Qushayri, 'Abd al-Karim Ibn Hawazin. *Latā'iif al-Ishārāt*. Cet. ke-3, Mesir: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, t.t.
- Al-Suyūṭī, 'Abd al-Rahmān Ibn Abī Bakr Jalāl al-Dīn. *Al-Durr al-Manthūr fī Tafsīr bi al-Ma'thūr*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Wakīl, Muḥammad Sayyīd. *Kubrā al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Qarn al-Rābi' al-'Ashārah Hijri: Pergerakan Islam Terbesar Abad ke-14H*, terj. Lc. Fakhruddin. Bandung: Asy Syaamil Press & Grafika, 2001.

- Ḩawwā, Sa‘īd. *Al-Asās fī al-Tafsīr*. Cet. ke-7, Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2009), 2:82.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Fī Āfāq al-Ta‘alīm*. Kaherah: Maktabah Wahbah, t.t.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Fi Afaq al-Ta‘alim: Pendidikan Harakah Islamiyyah: Syarah Risalah al-Ta‘lim*, terj. Nor Hasanuddin. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Hadhihi Tajribatī wa Hadhihi Shahādatī*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1987.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Jund Allāh Tanzīman*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1993.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Jund Allāh Thaqāfatān wa Akhlāqān*. Cet. ke-3, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Jund Allāh Thaqāfatān wa Akhlāqān*. Cet. ke-7. Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2010.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Kay lā Namdī Ba‘īdan ‘an Ihtiyājāt al-‘Aṣr*. Cet. ke-5, Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2009.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Mudhakkirāt fī Manāzil al-Ṣiddiqīn wa al-Rabbaniyyīn*. Beirut: Dār ‘Ammar, 1989.
- Ḩawwā, Sa‘īd. *Tarbiyatuna al-Rūhiyyah*. Cet. ke-9, Kaherah: Dār al-Salām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2007.
- Mashhūr, Muṣṭafā. *Zadun ‘ala al-Tariq: Bekalan di Sepanjang Jalan Dakwah*, terj. Ahmad Hasan Mohd Nazam dan Mohd Nizam Mohd Ali. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2003..
- Muslim, Muṣṭafā. *Manāhij al-Mufassirīn: al-Qism al-Awwāl fī ‘Aṣr al-Ṣahābah*. Riyadh: Dār al-Muslim, 1994.
- Sa‘īd Ḥawwā, 4. *Iḥyā’ al-Rabbaniyyah* 5. *Al-Ijabat*. Kaherah: Dār al-Salāam, 1984), 23.
- Siddiq Fadzil. *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah, 2012.